



**SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)**  
**PROGRAM INSENTIF PENGAMBILAN PEKERJA DAN PROGRAM LATIHAN -**  
**PENJANAKERJAYA**  
**SISTEM INSURANS PEKERJAAN (SIP), PERKESO**  
**BIL.1/2020 | 11 JUN 2020**

**1. Apakah itu PenjanaKerjaya?**

- **PenjanaKerjaya** di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) adalah bertujuan merangsang permintaan pekerjaan di kalangan majikan dan meningkatkan peluang pekerjaan serta kebolehpekerjaan di kalangan pencari kerja tempatan.
- Kementerian Sumber Manusia telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan program ini melalui *National Employment Services*, PERKESO.

**2. Apakah insentif di bawah PenjanaKerjaya?**

- **PenjanaKerjaya** yang disediakan adalah seperti kategori berikut:
  - i. **#MyApprentice:** Insentif Perantis bagi majikan yang mengambil pencari kerja tempatan secara perantis dalam kalangan lepasan sekolah dan graduan.
  - ii. **#HireMalaysia** - Terdapat **tiga** kategori:
    - a. Insentif Pengambilan Pekerja yang menggajikan pencari kerja tempatan **di bawah umur 40 tahun;**
    - b. Insentif Pengambilan Pekerja yang menggajikan pencari kerja tempatan berumur **40 tahun dan ke atas;** dan

c. Insentif Pengambilan Pekerja yang menggajikan pencari kerja tempatan dalam kalangan **golongan mudah terjejas** termasuk golongan kurang upaya (OKU), dan peserta Program Return to Work PERKESO.

**\*Nota: Umur pencari kerja adalah berdasarkan pada tarikh lahir semasa permohonan**

iii. **Bantuan Mobiliti (Mobility Assistance):** bayaran *one-off* kepada pekerja yang berpindah melebihi 100km (satu hala) dari lokasi tempat pemastautin pencari kerja;

iv. **Program Latihan:** menyediakan latihan semula (*reskilling and upskilling*) termasuk program *place and train* yang berdasarkan keperluan majikan dan pekerja yang diambil di bawah **PenjanaKerjaya**.

### 3. **Siapakah yang LAYAK memohon PenjanaKerjaya?**

- Majikan telah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM - Companies Commission of Malaysia) SSM / Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) / Pendaftaran Perniagaan (ROB) / Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau lain-lain pertubuhan sebelum 1 Jun 2020; dan
- Majikan hendaklah berdaftar dengan PERKESO sebelum 1 Jun 2020.

### 4. **Siapakah yang TIDAK LAYAK memohon PenjanaKerjaya?**

- **Agensi Pekerjaan Swasta** ataupun Syarikat Penyumberan Luar (*Outsourcing / Contractor for Service*) yang membekalkan tenaga kerja kepada perusahaan lain (*principal*) dan bukannya sebagai majikan langsung; dan
- Pekerja sektor awam, badan berkanun persekutuan dan negeri, semua badan berkanun yang diasingkan saraan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan mereka yang bekerja sendiri (tidak mempunyai majikan).

5. **Apakah kategori pekerja yang TIDAK LAYAK mendapat insentif di bawah PenjanaKerjaya?**

- Pekerja yang sedang menerima bantuan Program Pengekalan Pekerjaan (*Employment Retention Program*) atau tersenarai dalam Program Subsidi Upah adalah tidak layak.

## A. PROGRAM INSENTIF PENGAMBILAN PEKERJA

1. **Apakah syarat kelayakan Program Insentif Pengambilan Pekerja di bawah PenjanaKerjaya?**

Butiran	#MyApprentice	#HireMalaysia		
		40 tahun ke bawah	40 tahun dan ke atas	OKU
<b>Insentif Kewangan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>RM 600</b></li> <li>• Bayaran secara bulanan untuk tempoh maksimum 6 bulan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>RM 800</b></li> <li>• Bagi pekerja yang digaji RM1,200 ke atas untuk tempoh maksimum 6 bulan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>RM 1000</b></li> <li>• Bayaran secara bulanan untuk tempoh maksimum 6 bulan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>RM 1000</b></li> <li>• Bayaran secara bulanan untuk tempoh maksimum 6 bulan</li> </ul>
<b>Keutamaan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keutamaan diberi kepada graduan ataupun lepasan sekolah</li> </ul>	Keutamaan diberi kepada majikan yang menawarkan gaji setara dengan kelayakan, kemahiran dan pengalaman kerja	Keutamaan diberi kepada majikan yang menawarkan gaji setara dengan kelayakan, kemahiran dan pengalaman kerja	

Butiran	#MyApprentice	#HireMalaysia		
		40 tahun ke bawah	40 tahun dan ke atas	OKU
<b>Syarat Kelayakan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Golongan lepasan sekolah atau graduan yang diambil secara perantis</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pencari kerja tempatan yang berumur di bawah 40 tahun</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pencari kerja tempatan yang berumur 40 tahun dan ke atas</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pencari kerja tempatan dalam kalangan golongan kurang upaya (OKU); dan</li> <li>Peserta program <i>Return to Work (RTW) PERKESO</i></li> </ul>
<b>Syarat Tambahan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Majikan hendaklah mendaftar kekosongan jawatan dalam Portal <b>MYFutureJobs</b> (<a href="http://www.myfuturejobs.gov.my">www.myfuturejobs.gov.my</a>) bermula <b>15 Jun 2020</b> atau mana-mana portal pekerjaan yang berdaftar di bawah Akta 246.</li> <li>Majikan yang mengambil pencari kerja yang tidak bekerja <b>sekurang-kurangnya 2 bulan (kecuali MyApprentice)</b>.</li> <li>Bagi tujuan pengesahan penempatan pekerjaan, majikan perlu mendaftarkan kekosongan pekerjaan melalui Portal <b>MYFutureJobs</b>. Pekerja yang diambil dibawah insentif ini juga perlu berdaftar dengan portal ini.</li> <li>Pekerja baru yang telah digajikan di bawah insentif ini hendaklah didaftarkan dan mencarum dengan PERKESO dan SIP di <b>Sistem ASSIST PERKESO</b>.</li> <li>Majikan tidak boleh memberhentikan pekerja sedia ada dan menggantikannya (<b>substitute</b>) dengan pekerja yang sama atau yang baru di bawah <b>PenjanaKerjaya</b> (Hiring Incentive) dalam tempoh program ini.</li> <li>Majikan hendaklah menawarkan pekerjaan (<i>employment contract</i>) <b>sekurang-kurangnya satu tahun</b> (salinan kontrak tidak perlu dikemukakan kepada PERKESO) kecuali kategori MyApprentice.</li> <li>Pencari kerja tempatan yang belum mencapai umur 60 tahun.</li> </ul>			
<b>Tarikh Kuatkuasa</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengambilan pekerja dan perantis yang dibuat pada atau selepas <b>15 Jun 2020</b> adalah layak menerima semua insentif di atas.</li> </ul>			

Butiran	#MyApprentice	#HireMalaysia		
		40 tahun ke bawah	40 tahun dan ke atas	OKU
<b>Tarikh Tutup Permohonan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tarikh akhir bagi permohonan di bawah <b>PenjanaKerjaya</b> adalah pada <b>31 Disember 2020</b>.</li> </ul>			

**2. Adakah majikan layak memohon insentif di bawah PenjanaKerjaya bagi pekerja dan perantis yang telah diambil tetapi belum didaftarkan dengan [MYFutureJobs](#)?**

- **Layak.** Dengan syarat majikan hendaklah mendaftarkan maklumat kekosongan pekerjaan di Portal [MYFutureJobs](#) serta memastikan pekerja tersebut telah didaftarkan di Portal [MYFutureJobs](#). Mana-mana majikan yang memohon insentif di bawah **PenjanaKerjaya** perlu terlebih dahulu mendaftar pekerja tersebut dengan PERKESO mengikut syarat seperti di soalan 3; dan
- Bagi majikan yang telah mendaftarkan kekosongan pekerjaan serta telah membuat penempatan di bawah portal pekerjaan selain daripada Portal [MYFutureJobs](#), majikan perlu mengemaskinikan maklumat kekosongan tersebut di bawah [MYFutureJobs](#) termasuk pendaftaran pekerja bagi tujuan pemprosesan bayaran permohonan Program Insentif Pengambilan Pekerja serta bagi tujuan pengesahan caruman di portal ASSIST PERKESO.

**3. Bagaimana cara membuat permohonan insentif di bawah PenjanaKerjaya?**

- Kekosongan pekerjaan perlu didaftarkan di Portal [MYFutureJobs](#) walaupun kekosongan pekerjaan tersebut telah didaftarkan di dalam mana-mana portal pekerjaan yang lain;
- Sekiranya terdapat pengambilan pekerja baru, majikan perlu mendaftarkan pekerja tersebut di sistem ASSIST PERKESO dalam tempoh 30 hari dari tarikh pekerja melaporkan diri

- Mulai 15 Jun 2020, majikan boleh mendaftarkan profil majikan di Portal **PenjanaKerjaya** melalui laman sesawang [penjanakerjaya.perkeso.gov.my](http://penjanakerjaya.perkeso.gov.my); dan
- Mulai 1 Julai 2020, majikan boleh membuat permohonan Program Insentif Pengambilan Pekerja bagi pekerja yang diambil dibawah insentif ini.

**4. Apakah dokumen yang diperlukan bagi permohonan Program Insentif Pengambilan Pekerja di bawah PenjanaKerjaya?**

**Pengesahan dan dokumen yang diperlukan** adalah seperti berikut:

- (i). Maklumat akaun bank majikan (salinan halaman hadapan Penyata Bank / muka depan buku bank yang tertera nama majikan, nombor akaun majikan dan nama bank)
- (ii). Maklumat nombor pendaftaran perniagaan majikan Maklumat (*Business Registration Number- BRN*)

**Nota: Majikan dinasihatkan untuk menyemak kedua-kedua dokumen di atas adalah betul bagi mengelakkan sebarang kelewatan pemprosesan bayaran.**

**5. Apakah yang dimaksudkan dengan maklumat *Business Registration Number (BRN)* yang perlu diperolehi daripada pihak bank?**

- BRN adalah maklumat nombor pendaftaran perniagaan majikan yang didaftarkan oleh majikan ketika pembukaan akaun semasa syarikat di bank.
- Majikan hendaklah berhubung dengan pihak bank masing-masing bagi memastikan BRN yang diberikan adalah betul dan tepat.
- Maklumat Akaun Bank dan BRN syarikat seperti di atas diperlukan bagi tujuan pembayaran terus ke akaun majikan secara *Electronic Fund Transfer (EFT)*.

**6. Bagaimanakah pembayaran insentif di bawah PenjanaKerjaya dilaksanakan?**

- Bayaran insentif di bawah **PenjanaKerjaya** adalah secara bulanan kepada majikan selepas bayaran caruman wajib seperti PERKESO dilaksanakan (bulan seterusnya);
- Bantuan Mobiliti yang dibayar secara one-off kepada pekerja melalui majikan pula perlu dibayar kepada pekerja yang layak dalam tempoh 7 hari dari tarikh bayaran diterima daripada PERKESO; dan
- Bayaran insentif hanya akan dilaksanakan setelah kesemua syarat seperti di soalan 3 dipenuhi termasuk **caruman bulanan PERKESO** yang telah dikreditkan terus ke dalam akaun bank majikan. (**Contoh:** pekerja atau perantis yang diambil bekerja pada 1 Julai 2020 tetapi majikan mendaftar dan mencarum pekerja tersebut dengan PERKESO pada 15 Julai 2020, bayaran insentif hanya boleh dibuat mulai bulan Ogos 2020 dan ke atas).

**7. Adakah majikan akan menerima insentif di bawah PenjanaKerjaya sekiranya pekerja dan perantis tersebut meletakkan jawatan atau diberhentikan?**

- Insentif yang berikutnya di bawah **PenjanaKerjaya** **TIDAK DIBAYAR** kepada majikan sekiranya pekerja dan perantis tersebut meletakkan jawatan atau telah diberhentikan.

**8. Apakah takrifan pekerja yang dimaksudkan bagi insentif di bawah PenjanaKerjaya?**

- Pekerja bagi insentif di bawah **PenjanaKerjaya** adalah mengikut takrifan 'pekerja' di bawah Akta Sistem Insurans Pekerjaan (Akta 800).

9. **Bagaimanakah semakan status permohonan boleh dilakukan oleh pihak majikan?**
- Majikan boleh membuat semakan status permohonan di Portal PenjanaKerjaya di [penjanakerjaya.perkeso.gov.my](http://penjanakerjaya.perkeso.gov.my) .
10. **Adakah majikan perlu membuat permohonan setiap bulan?**
- **Tidak perlu.** Majikan hanya perlu memastikan pembayaran caruman kepada PERKESO dibuat setiap bulan untuk melayakkan menerima insentif pengambilan setiap bulan.
  - Sekiranya pekerja atau perantis tersebut diberhentikan/meletak jawatan, majikan diwajibkan mengemaskini maklumat pekerja/perantis di sistem ASSIST PERKESO terlebih dahulu.
11. **Apakah tindakan yang perlu diambil oleh pekerja terhadap majikan yang menerima insentif di bawah PenjanaKerjaya sekiranya pekerja tidak menerima gaji bulanan atau gaji mereka dipotong oleh majikan?**
- Pekerja yang mempunyai aduan berkenaan tidak menerima gaji bulanan atau gajinya dipotong boleh merujuk kepada Jabatan Tenaga Kerja.



## B. BANTUAN MOBILITI (MOBILITY ASSISTANCE)

### 1. Apakah syarat bagi Bantuan Mobiliti di bawah PenjanaKerjaya?

- i. Pekerja dan perantis yang diambil oleh majikan di bawah program insentif pengambilan ini yang perlu berpindah melebihi 100km (satu hala) dari lokasi tempat pemastautin pencari kerja terkini adalah layak menuntut bantuan RM600 melalui majikan;
- ii. Sekiranya perpindahan melibatkan antara wilayah dari Sabah ke Sarawak atau ke Semenanjung Malaysia atau sebaliknya layak menuntut RM1,000 melalui majikan;
- iii. Bantuan Mobiliti akan dibayar kepada pekerja melalui majikan secara *one-off*; dan
- iv. Pekerja hanya layak menerima Bantuan Mobiliti **sekali sahaja** sepanjang tempoh program.

## C. PROGRAM LATIHAN

### 1. Apakah syarat program latihan di bawah **PenjanaKerjaya**?

- i. Majikan yang mengambil pekerja (**kecuali perantis**) di bawah **PenjanaKerjaya** layak memohon untuk menjalani latihan semula atau peningkatan kemahiran (*re-skilling & upskilling*) berdasarkan keperluan pekerjaan atau industri berkenaan;
- ii. Senarai kursus latihan yang diperakukan oleh PERKESO akan disenaraikan secara terperinci di laman sesawang [penjanakerjaya.perkeso.gov.my](http://penjanakerjaya.perkeso.gov.my) dan akan dikemaskinikan dari semasa ke semasa; dan
- iii. Kadar yuran latihan maksimum RM4,000 bagi seorang pekerja yang diambil di bawah **PenjanaKerjaya**.

### 2. Bilakah Program Latihan di bawah **PenjanaKerjaya** mula dilaksanakan?

- Program Latihan di bawah **PenjanaKerjaya** dibuka untuk permohonan mulai **1 Julai 2020**.

### 3. Bagaimanakah cara majikan untuk membuat permohonan kursus bagi pekerja di bawah Program Latihan ini?

- Majikan boleh memilih kursus yang tersenarai di bawah Program Latihan **PenjanaKerjaya** di laman sesawang [penjanakerjaya.perkeso.gov.my](http://penjanakerjaya.perkeso.gov.my) serta perlu mendapat kelulusan atau pengesahan daripada PERKESO.

### 4. Apakah kursus yang ditawarkan di bawah program ini?

- Hanya kursus yang telah diluluskan oleh PERKESO dan tersenarai di bawah **PenjanaKerjaya** sahaja yang ditawarkan.

- 5. Siapakah yang perlu mengemukakan permohonan Program Latihan?**
- Majikan perlu mengemukakan permohonan latihan berdasarkan keperluan pekerja yang diambil di bawah insentif ini.
- 6. Berapa lamakah tempoh latihan di bawah PenjanaKerjaya?**
- Tempoh latihan di bawah **PenjanaKerjaya** adalah bergantung kepada jenis kursus yang merangkumi *soft skill, hard skill, transferable skill, occupation – specific* dan *hybrid* yang tidak melebihi 30 hari.
- 7. Apakah yang perlu dilaksanakan oleh majikan dan penyedia latihan selepas membuat pemilihan kursus ?**
- PERKESO akan membuat pengesyoran kelulusan dan mengeluarkan '*guarantee letter*' untuk dibekalkan kepada penyedia latihan.
  - Penyedia latihan adalah bertanggungjawab untuk mengemukakan semua dokumen seperti bukti kedatangan dan lain-lain bagi tujuan pembayaran kepada penyedia latihan tersebut.
  - Majikan adalah bertanggungjawab untuk memastikan pekerja mereka mengikuti kursus sehingga selesai.

**Sebarang pertanyaan, sila berhubung dengan Pegawai Perkhidmatan pelanggan PERKESO di talian 03-8091 5300 / 1-300-22-8000 atau emel kepada [penjanakerjaya@perkeso.gov.my](mailto:penjanakerjaya@perkeso.gov.my)**

**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)**

**Dikemaskini pada 11 Jun 2020**